



**KENYATAAN/
SIARAN AKHBAR**

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:
Bahagian Komunikasi Korporat
Perbadanan Putrajaya
 Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8887 5013

***PUTRAJAYA INTERNATIONAL ISLAMIC ARTS &
CULTURE FESTIVAL 2013 (PIIACUF)***
MEMARTABATKAN SENI & KEBUDAYAAN ISLAM

PUTRAJAYA, 5 November 2013 - *Putrajaya International Islamic Arts & Culture Festival (PIIACUF) 2013* bakal memartabatkan seni dan kebudayaan Islam dengan penganjuran acara yang julung-julung kalinya diadakan di Putrajaya.

Bertemakan ***“From Andalusia To Putrajaya”*** PIIACUF tahun ini bakal memberikan sinopsis kepada kepelbagaian seni dan kebudayaan Islam sejak dari zaman kegemilangan Islam di Andalusia, Sepanyol sehinggalah ke hari ini dan bagaimana seni dan budaya Islam telah mencorakkan ketamadunan dunia.

Majlis perasmian PIIACUF disempurnakan oleh **YB. Mejar Jeneral (B) Dato’ Seri Jamil Khir Baharom, Menteri di Jabatan Perdana Menteri bersama-sama Presiden Perbadanan Putrajaya dan Tan Sri Dato’ Sri Dr. Aseh Che Mat** bertempat di **Dataran Putrajaya, Presint 3**. Penganjuran PIIACUF adalah sebahagian daripada usaha berterusan Perbadanan Putrajaya untuk terus menganjurkan acara-acara bertaraf antarabangsa melalui pendekatan yang proaktif bagi memberikan peluang dan ruang untuk masyarakat umum untuk mempelajari dan menghargai kesinambungan seni dan kebudayaan Islam.

Selain daripada aspek kebudayaan, acara PIIACUF ini juga adalah platform kepada umum untuk bertukar pandangan dan idea bagi membangunkan wahana baharu baik dari segi ekonomi mahupun sosial. Penyertaan antarabangsa bagi PIIACUF 2013 tahun ini melibatkan penyertaan negara Sepanyol, Iran, Maghribi, Indonesia, Mesir dan China turut membuktikan keyakinan masyarakat antarabangsa akan potensi dan peluang yang boleh digarap melalui PIIACUF.

Pelbagai acara dan program bakal berlangsung bermula 5 – 10 November 2013 sepanjang PIIACUF 2013 termasuklah Persidangan Antarabangsa Senibina & Alam Bina 2013, Pameran “*From Andalucia To Putrajaya*”, *Islamic World Film Screenings*, *Putrajaya International Islamic Forum*, persembahan kebudayaan, rakaman langsung TV, program kanak-kanak dan banyak lagi.

Kemuncak bagi penganjuran PIIACUF 2013 adalah konsert “Journey of Nur” pada 9 November 2013 jam 9.00 malam. Barisan artis terkenal bakal mengadakan persembahan termasuklah nama-nama besar seperti Maher Zain, Opick, Zain Bhikha, Raef, Dato’ M. Nasir, Dato’ Ramli Sarip, Raihan dan In-Team.

PIIACUF 2013 dibuka dari jam 10.00 pagi sehingga 10.00 malam setiap hari bermula hari ini sehingga 10 November 2013. Masuk adalah percuma. Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web www.ppj.gov.my / www.piiacuf.com atau hubungi sekretariat acara En. Azmi Bin Alang Ahmad / Nornadia Binti Abd. Rahman at 03-8887 7033.



(TENGGU AINA BINTI YTM TENGGU ISMAIL SHAH)
Timbalan Pengarah Kanan, Bahagian Komunikasi Korporat
b.p Presiden Perbadanan Putrajaya